



Perdana Menteri tinjau Menara Kuantan 188, karavan [METROTV]

BERNAMA

Kuantan: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meninjau Menara Kuantan 188, antara produk pelancongan terkini dan ikonik yang dibangunkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di tepi pesisir Sungai Kuantan, di sini, hari ini.

Beliau tiba di menara kedua tertinggi di Malaysia selepas Menara Kuala Lumpur itu, pada 12.10 tengah hari dengan menaiki kereta bugi dari Kompleks Bandaraya Kuantan yang terletak kira-kira 200 meter dari menara itu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Turut sama ialah Menteri Besar dari negeri Pantai Timur iaitu Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (Pahang), Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (Terengganu) dan Datuk Ahmad Yakob (Kelantan) serta Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob. FOTO Mohd Fadli Hamzah
Setibanya di perkarangan Menara Kuantan 188, Perdana Menteri mendengar taklimat dan meninjau kenderaan rekreasi (RV) atau lebih dikenali sebagai karavan, satu daripada produk pelancongan terkini yang dicadangkan oleh ECERDC untuk dibangunkan di sebuah daerah di Pahang.

Beliau bersama rombongan juga dibawa ke 'skydeck' Menara Kuantan yang menyajikan pemandangan 360 darjah keseluruhan bandar raya Kuantan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Datuk Baidzawi Che Mat menerusi kenyataan media berkata, pelancongan RV adalah trend semasa yang semakin popular kerana memberi pilihan konsep pelancongan lebih terbuka untuk pelbagai aktiviti luar dan aktiviti peribadi.

"Industri pelancongan RV sedang berkembang pesat di negara seperti Australia, China, Korea Selatan, Jepun dan New Zealand serta menjadi komponen penting bagi ekonomi negara tersebut.

"Ini membuka peluang untuk Malaysia secara amnya dan ECER secara khususnya untuk memanfaatkan trend ini untuk mewujudkan peluang pertumbuhan pelancongan baharu di ECER dan meneroka potensi membangunkan industri RV di wilayah ini," katanya.

Mengenai Menara Kuantan 188, Baizawi berkata, seramai 23,600 pelawat sudah mengunjungi menara itu sejak ia dibuka secara rasmi pada 15 Disember lalu.

Konsep reka bentuk pembinaan menara itu diinspirasi daripada daun dan bunga pokok Teruntum Putih yang dulunya banyak terdapat di pinggir Sungai Kuantan.

Disiarkan pada: Januari 28, 2022 @ 1:43pm